

08/10/1999

Keadaan sesuai bubar Parlimen: Razaleigh

Rasid Rahaman

KOTA BHARU, Khamis - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berpendapat keadaan sekarang sesuai untuk kerajaan membubarkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi mengadakan pilihan raya umum.

Katanya, ini kerana rakyat sudah menunjukkan minat dengan perjuangan Umno dan Barisan Nasional (BN), manakala masalah luaran juga tidak mempengaruhi politik di negara ini.

"Pada pandangan saya keadaan memang baik, bertambah baik. Nampak rakyat di Kelantan mula menunjukkan minat apa yang diperjuangkan oleh BN," katanya kepada pemberita di Palm Manor di sini, hari ini.

Beliau berkata, kini terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membubarkan Parlimen sekali gus mengisytiharkan pilihan raya umum.

"Di Kelantan jika Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat berpendapat keadaannya sesuai dan memihak kepada pihaknya, beliau boleh bubar DUN, adakan pilihan raya sekarang," katanya.

Beliau turut menjelaskan pembangkang kini kekeringan isu dan hanya mengulangi apa yang sudah dibangkitkan sebelum ini.

Beliau menyifatkan tindakan parti pembangkang menggunakan mahkamah untuk berkempen dan menonjolkan kepentingan politik mereka dianggap sebagai melampaui batas.

Katanya, semua orang boleh menggunakan mana-mana forum untuk kepentingan politik, tetapi perbuatan Karpal Singh menuduh Datuk Seri Anwar Ibrahim diracun melampaui batas.

"Oleh itu, jika ada asas, sesiapa saja perlu dihadapkan ke mahkamah, termasuk Karpal," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai tindakan pembangkang menggunakan mahkamah untuk berkempen dan akan terus cuba melengahkan perbicaraan kes liwat Anwar.

Tengku Razaleigh juga berpendapat Nik Aziz sepatutnya tahu siapa sebenarnya tangan-tangan syaitan yang memasang sepanduk menegur kerajaan negeri pimpinan parti itu makan gaji buta kerana pernah berkawan dengan syaitan.

Beliau hairan Menteri Besar Kelantan itu tidak tahu siapa sebenarnya yang memasang sepanduk itu dan menyifatkan mereka terbabit sebagai tangan-tangan syaitan.

Beliau berkata, sepatutnya Nik Aziz tahu kerana sebelum ini pernah berkawan dengan syaitan.

"Boleh jadi dia (Nik Aziz) yang berkawan dengan syaitan tahu siapa tangan-tangan syaitan yang dimaksudkan. Ini kerana dia sendiri kata berkawan dengan syaitan. Dia tentu tahu. Kita (Umno), tidak tahu siapa yang memasangnya," katanya.

Nik Aziz ketika berceramah Perumahan Manal Jaya (2), dekat sini, kelmarin menyifatkan sepanduk menegur kerajaan Pas Kelantan sebagai makan gaji buta yang banyak kelihatan di negeri itu, dipasang oleh tangan-tangan syaitan.

(END)